

---

## **ADAB-ADAB DAN ETIKA PETUGAS DALAM PENGENDALIAN AKTIVITI PELUPUSAN AL-QURAN**

---

- 1) Memulakan aktiviti pelupusan dengan bacaan 'basmalah'.
- 2) Petugas atau pengendali hendaklah sentiasa dalam keadaan berwuduk dan tidak berhadass besar setiap kali mengendalikan proses pelupusan.
- 3) Hendaklah berpakaian yang menutup aurat dan sopan ketika mengendalikan proses pelupusan.
- 4) Aktiviti pelupusan yang melibatkan proses pembakaran dan penghasilan kiub abu perlulah mempunyai kelengkapan dan alat yang mencukupi iaitu sarung tangan, penutup hidung (*mask*) dan berkasut.
- 5) Mengangkat, membawa serta menyusun naskhah Al-Quran dengan penuh hormat dan sopan.
- 6) Kerja-kerja menceraikan setiap helaian daripada buku / bahan-bahan bercetak hendaklah dilakukan dengan sopan dan penuh hormat.
- 7) Petugas atau pengendali hendaklah menjaga dan mengawal tapak pelupusan Al-Quran daripada dicerobohi oleh pihak yang tidak berkenaan.
- 8) Mushaf Al-Quran dan bahan-bahan bercetak yang mengandungi ayat-ayat Al-Quran hendaklah disusun di tempat yang tinggi, atau berlapis dengan suatu alas yang sesuai, atau diletakkan di tempat yang difikirkan sesuai untuk menjaga kehormatan Al-Quran.